

Hudud: Jangan jadi helah politik

Oleh
MOHD. KAMIL YUSOF

PEKAN 25 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan ingin tahu sama ada hukum hudud yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan Kelantan benar-benar mengikut kehendak agama Islam atau hanya sebagai helah politik parti Pas.

Kata Perdana Menteri, ini adalah kerana Kerajaan Kelantan meneruskan juga niat mereka walaupun mereka sendiri percaya "kita tidak akan benarkan dia melaksanakannya."

Menurutnya, hukum hudud boleh dijadikan isu semasa pilihanraya dengan mengatakan ba-

hawa Pas mahu melaksanakannya tetapi tidak dibenarkan oleh Kerajaan Pusat.

"Sedangkan dia sendiri tahu bahawa dia tidak boleh buat...tapi dia buat juga sebab hendak cari isu politik. Itu betul-betul Palsah," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di sini sewaktu ditanya tindakan Kerajaan Negeri Kelantan membentangkan Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 yang mengandungi beberapa peruntukan termasuk hukum hudud di Sidang

■ Lihat muka 2 ✓

Hudud: jangan jadi helah politik

Dewan Undangan Negeri Kelantan semalam.

Rang undang-undang itu diluluskan hari ini dengan sebulat suara.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan tidak menolak pelaksanaan hukum itu sekiranya ia bersesuaian dengan keadaan, tempat dan masa sekarang.

Menurutnya, keadaan sesuatu tempat amat mustahak bagi melaksanakan hukum tersebut misalnya sama ada tempat itu mempunyai 100 peratus orang Islam atau majoriti penduduknya adalah beragama Islam.

"Jika penduduk di sesebuah negara itu majoritinya orang Islam pelaksanaan hukum hudud ini tidak akan membawa sebarang masalah," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, apa yang dikhuatiri ialah apabila sesebuah negara atau tempat itu mempunyai minoriti penduduk Islam maka sudah pasti pelaksanaannya agak sukar.

Perdana Menteri berkata, agama Islam itu sebenarnya tidak susah kerana ada perkara-perkara yang diberi beberapa ke-

longgaran misalnya dalam menunaikan ibadat sembahyang.

"Kita tidak diwajibkan menghadap kiblat sekiranya kita dalam perjalanan di dalam kereta api atau ketika menunggang kuda dan sebagainya," kata beliau.

Jelasnya lagi, yang menjadi masalah di kalangan masyarakat Islam ialah ada orang yang hendak menjadikan Islam sebagai agama yang susah.

"Benda baik yang hendak kita buat untuk Islam, mereka (Pas) tidak mahu ikut tetapi mereka

cari benda yang kusut dan cuba hendak mencari masalah," tegas Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, hasrat kerajaan ialah untuk menjadikan orang Islam sama kuat dengan orang bukan Islam supaya tidak ditindas seperti yang berlaku di Bosnia.

Malangnya, kata beliau, kerajaan Pas tidak memikirkan soal kekuatan tentera untuk membantu orang Bosnia seperti yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional.